



PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERIPULAU PINANG

1. Menetapkan tarikh sebutan/bicara kepada pelanggan pada hari pendaftaran kes.
2. Menyebut/membicarakan sesuatu kes Mal, Jenayah dan Faraid dalam masa 21 hari selepas didaftarkan.
3. Mengeluarkan Sijil Faraid dalam masa 5 hari selepas dibuat pembahagian hak waris
3. Menyebut/membicarakan dalam setahun sekurang-kurangnya 90% daripada Kes Mal, Jenayah dan Faraid yang telah didaftarkan.
4. Menyasiat dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas setiap aduan pelanggan yang diterima dalam tempoh 14 hari dari Tarikh aduan itu diterima.
5. Mendengar rayuan kali pertama dalam masa 30 hari selepas rekod rayuan diterima daripada mahkamah yang keputusannya dirayu.

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN DAN OBJEKTIF KUALITI TAHUN 2021

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

1.0 LAPORAN ANALISIS PENCAPAIAN DASAR DAN OBJEKTIF KUALITI

1.1 Kesesuaian Dasar Kualiti Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP) perlu dinilai dari semasa ke semasa terutamanya di dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan bagi memastikan kehendak keperluan sistem kualiti bagi pengurusan Kes Mal, Jenayah dan Faraid berdasarkan keperluan standard MS ISO 9001 : 2008 dipatuhi. Pelaksanaan sistem kualiti ini telah dilaksanakan di semua Mahkamah Syariah di Pulau Pinang iaitu:

- i. Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang;
- ii. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut;
- iii. Mahkamah Rendah Syariah Barat Daya;
- iv. Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara;
- v. Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah; dan
- vi. Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan.

Objektif Kualiti JKSNPP telah ditetapkan seperti berikut: :-

- i. Dapat menetapkan tarikh sebutan / bicara kepada pelanggan pada hari pendaftaran kes; (100%)
- ii. Dapat menyebut / membicarakan sesuatu kes mal, jenayah dan faraid dalam masa 21 hari selepas didaftarkan; (100%)
- iii. Dapat mengeluarkan Perintah Faraid dalam masa 5 hari bekerja selepas dibuat pembahagian hak waris; (100%)
- iv. Dapat menyebut /membicarakan dalam setahun sekurang-kurangnya 90% daripada kes mal, jenayah dan faraid yang telah didaftarkan; (90%)

- v. Akan menyasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas setiap aduan pelanggan yang diterima dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan itu diterima; (100%)
- vi. Pendengaran pertama kali sesuatu kes rayuan akan dapat didengar sekurang – kurangnya 80% ddalam masa 30 hari selepas naskhah rekod rayuan diterima daripada mahkamah yang keputusannya dirayu; dan
- vii. Pihak pengurusan tertinggi komited untuk menyemak semula objektif kualiti dari masa ke semasa yang bertujuan untuk menambahbaikkan keberkesanan kualiti perkhidmatan.

1.2 Bagi memastikan agar dasar dan objektif kualiti dapat dilaksanakan sepenuhnya sebagaimana yang telah ditetapkan, JKSNPP telah melantik Wakil Pengurusan dan Timbalan Wakil Pengurusan di Mahkamah- mahkamah Rendah Syariah bagi memantau pelaksanaan objektif dan dasar kualiti benar-benar dipatuhi. Hasil daripada pemantuan ini adalah seperti yang berikut:

- i. **Objektif pertama** : Menetapkan tarikh sebutan/ bicara kepada pelanggan pada hari pendaftaran kes telah dapat dicapai dengan baik.
- ii. **Objektif kedua** : Semua kes mal, jenayah dan faraid telah diberi tarikh sebutan/bicara dalam tempoh 21 hari selepas didaftarkan. Sila lihat data-data seperti berikut :-

iii. **Objektif ketiga** : Semua Perintah faraid telah berjaya dikeluarkan dalam masa 5 hari selepas dibuat pembahagian hak waris. Sila lihat data-data berikut :-

BULAN NOVEMBER 2021

MAHKAMAH	KES FARAID YANG SELESAI	SIJIL YANG DIKEMUKAKAN DALAM MASA 5 HARI	PERATUS (%)
Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang	42	42	100%
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya	8	8	100%
Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara	22	22	100%
Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah	15	15	100%
Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan	8	8	100%
Mahkamah Rendah Syariah Timur Laut	7	7	100%
JUMLAH	102	102	100%

iv. **Objektif keempat** : Menyebut/membicarakan dalam satu tahun sekurang - kurangnya 90% kes Mal, Jenayah dan Faraid yang telah didaftarkan. Sila lihat laporan analisa kes di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah seperti berikut :-

BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2021

MAHKAMAH	PENDAFTARAN KES			SEBUTAN/BICARA			PERATUSAN(%)		
	MAL	JEN	FAR	MAL	JEN	FAR	MAL	JEN	FAR
Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang	446	12	327	446	12	327	100	100	100
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya	495	15	58	495	15	58	100	100	100
Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara	548	87	103	548	87	103	100	100	100
Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah	610	29	82	610	29	82	100	100	100
Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan	221	14	43	221	14	43	100	100	100
Mahkamah Rendah Syariah Timur Laut	467	55	60	467	55	60	100	100	100
JUMLAH	2787	212	673	2787	212	673	100	100	100

v. **Objektif kelima** : Pencapaian objektif yang kelima iaitu semua aduan pelanggan disiasat dan diambil tindakan yang sewajarnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan itu diterima. Bagi bulan Januari hingga Disember 2021 terdapat sembilan (9) aduan dibuat.

**ADUAN MENGIKUT PENTADBIRAN MAHKAMAH
BAGI BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2021**

BULAN	IBU PEJABAT		MRS					JUMLAH
	MTS	MRS	DTL	DBD	SPU	SPT	SPS	
JANUARI	0	0	0	0	0	0	0	0
FEBRUARI	0	0	0	0	0	0	0	0
MAC	1	0	0	1	1	0	0	3
APRIL	0	0	0	0	0	0	0	0
MEI	0	0	0	0	0	0	0	0
JUN	2	0	0	1	0	0	0	3
JULAI	0	0	0	0	0	1	0	1
OGOS	1	0	0	0	0	0	0	1
SEPTEMBER	0	0	0	0	1	0	0	1
OKTOBER	0	0	0	0	0	0	0	0
NOVEMBER	0	0	0	0	0	0	0	0
DISEMBER	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	4	0	0	2	2	1	0	9

1) **JUMLAH ADUAN YANG TELAH DIAMBIL TINDAKAN BAGI
BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2021**

Bulan	Bil. Aduan yang Terima	Dalam Tindakan	Dalam Tindakan (%)	Selesai	Selesai (%)
JANUARI	0	0	0	0	0%
FEBRUARI	0	0	0	0	0%
MAC	3	0	0	3	100%
APRIL	0	0	0	0	0%
MEI	0	0	0	0	0%
JUN	3	0	0	3	100%
JULAI	1	0	0	1	100%
OGOS	1	0	0	1	100%
SEPTEMBER	1	0	0	1	100%
OKTOBER	0	0	0	0	0%
NOVEMBER	0	0	0	0	0%
DISEMBER	0	0	0	0	0%
JUMLAH	9	0	0	9	100%

2) TEMPOH PENYELESAIAN ADUAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2021

Tempoh	Jumlah Selesai	Jumlah Selesai (%)
1 hari	-	0%
2-5 hari	4	100%
6-10 hari	5	100%
11-14 hari	-	0%
15-20 hari	-	0%
21-30 hari	-	0%
31-60 hari	-	0%
>60 hari	-	0%
Jumlah	9	100%

- vi. **Objektif keenam** : Pendengaran pertama kali sesuatu kes rayuan akan dapat didengar sekurang-kurangnya 80% dalam masa 30 hari selepas naskhah rekod rayuan diterima daripada mahkamah yang keputusannya dirayu, dari segi statistik, tidak banyak kes yang didaftarkan. Bagi Bulan Januari hingga Disember 2021, Mahkamah Tinggi Syariah telah mendaftarkan 8 kes rayuan Mal dan 0 kes rayuan Jenayah. Manakala bagi Mahkamah Rayuan Syariah, 13 kes rayuan Mal dan 2 kes rayuan Jenayah difailkan dalam tempoh tersebut. Sila rujuk jadual seperti berikut :-

**DATA-DATA PERBANDINGAN TARIKH SEBUTAN KES YANG DITETAPKAN DALAM
MASA 30 HARI SELEPAS MENERIMA REKOD RAYUAN BAGI BULAN
JANUARI HINGGA DISEMBER 2021**

MAHKAMAH	KES YANG TELAH DIDAFTARKAN		KES YANG TELAH MENERIMA REKOD RAYUAN		KES YANG TELAH DISEBUT DALAM MASA 30 HARI		KES YANG DISEBUT LEBIH 30 HARI		PERATUS KEGAGALAN	
	MAL	JEN	MAL	JEN	MAL	JEN	MAL	JEN	MAL	JEN
MAHKAMAH TINGGI (RAYUAN)	8	0	8	0	8	0	-	-	0%	-
MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH	13	2	13	2	13	2	-	-	0%	-